



## Pupuk kefahaman sejarah kepada pelajar



**SERDANG, 16 Okt** – Minat dan kefahaman mengenai sejarah Malaysia harus dipupuk terhadap pelajar bagi mengelakkan kekeliruan tafsiran pada masa akan datang.

Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah berkata apabila sejarah negara dipelajari dan difahami dengan betul, ia tidak akan diputarbelitkan oleh pihak yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Baginda bertitah kebelakangan ini sejarah negara sering diputarbelitkan menjadi cereka yang boleh diubahsuai.

“Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab ini menjadikan sejarah negara menjadi tanggung terbalik sehingga menukarkan satu kesalahan kepada kebenaran. Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan Beta.

“Sekali lagi Beta berharap agar dipupuk keinginan mengetahui sejarah kepada pelajar-pelajar kerana sejarah itu adalah seumur hidup,” titah baginda pada hari kedua Majlis Konvokesyen UPM ke-35 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pada majlis konvokesyen itu seramai 7,327 graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada jumlah itu 369 menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 1,816 ijazah master, 4,744 ijazah bachelor dan 398 diploma.



Turut hadir pada istiadat itu, tiga Pro-Canselor UPM iaitu Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Dato' Rozali Ismail serta Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Saleh Jaafar selaku wakil Naib Canselor.

Sementara itu pada majlis pengurniaan ijazah sebelah petangnya, Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata graduan yang menerima sijil pada majlis konvokesyen tidak seharusnya menghentikan pencarian ilmu pengetahuan dan pengalaman.

"Majlis konvokesyen merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian pembelajaran. Para graduan harus meneroka potensi diri ke tahap yang lebih tinggi, meningkatkan kualiti status quo, bersaing secara kompetitif serta memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara.



"Kuantiti graduan yang dilahirkan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini pada setiap tahun semakin meningkat. Para graduan harus menempatkan diri di posisi strategik bagi menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau turut mengingatkan graduan agar tidak lupa menggunakan ilmu yang dipelajari untuk menunaikan tanggung jawab sosial terhadap masyarakat kerana nilai dan budi pekerti murni adalah amalan hidup yang penting.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm), (Mohd Martin Kahar), Photo (Unit Photo MarComm)**